

Info

Proses pembentukan Pulau Haba



Pembangunan daripada konkrit, simen, kaca, besi dan sifat geometri perbandaran yang tidak seragam serta aktiviti manusia, memerangkap haba seterusnya menghalang penyebaran serta pembebasan bahan pencemaran keluar daripada atmosfera bandar.

Pergerakan angin yang menjadi lemah ekoran halangan pembangunan, tidak mampu menolak bahang serta bahan pencemaran keluar daripada atmosfera bandar.

Situasi ini menjadikan atmosfera bandar seperti kubah debu yang memerangkap bahan pencemaran hingga menghalang pembebasan bahang gelombang panjang ke angkasa lepas, sekali gus membuatkan suhu bandar menjadi lebih panas, berbanding pinggiran yang mempunyai atmosfera yang lebih bersih dan terbuka.

BH PLUS

di www.bharian.com.my



Hutan kota hilang fungsi

• Kuala Lumpur berdepan risiko El Nino lebih kerap

Oleh M Hifzuddin Ikhlan, Siti Fatimah Anwar, Azrul Affandi Sobry, Alzahrin Alias dan Fahmy Azril Rosli
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kajian Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mendapati hutan sekitar ibu kota kini hanya mampu menyerap kira-kira 20,000 daripada lebih 12 juta tan karbon dioksida (CO2) yang dilepaskan ke udara setiap tahun.

Situasi itu menyebabkan Kuala Lumpur kini berdepan fenomena perubahan iklim ketara, ekoran kekurangan hutan sekitar ibu kota yang bertindak sebagai perapis CO2.

Pakar meteorologi dan pencemaran udara, Prof Dr Mastura Mahmud, berkata selain pemusnahan hutan, ia disumbang aktiviti manusia seperti asap lenderaan, penggunaan elektrik tanpa kawalan serta pendingin hawa bangunan sekitar ibu kota.

"Kerajaan ini menyebabkan ibu kota menjadi medan tumpuan perubahan iklim kerana pelepasan dan penyerapan CO2 tidak seimbang. Ia umpama mesin hampagas yang hanya menyedut satu kawasan kecil saja tetapi membiarkan kawasan sekitarnya masih kotor."

"Tumbuhan hijau berperanan sebagai ejen penyerapan CO2 tetapi penanaman pokok sekitar ibu kota kini

hanya meliputi 0.24 peratus iaitu 56.69 hektar daripada jumlah keseluruhan Kuala Lumpur," katanya yang juga Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan UKM.

Subu hutan lebih rendah

Mastura berkata, agensi penyelidikan The World Bank menyenaraikan rakyat Malaysia mengeluarkan 7.9 tan CO2 pada 2015 berbanding 5.9 tan pada 1996.

Beliau berkata, kajian UKM bersama Sime Darby mengenai kepentingan pokok membabitkan hutan bersebelahan lokasi pembangunan, mendapati suhu di kawasan hutan lebih rendah, selain kelajuan angin dan kelembapan berbeza.

"Ini membuktikan walaupun bersebelahan hutan, ia memainkan peranan penting kepada ekosistem. Jika hutan ini semakin berkurangan maka akan berlaku ketidakseimbangan dalam ekosistem," katanya.

Sementara itu, Pakar Ekologi, Prof Emeritus Datuk Dr Abdul Latif Mohamad, berkata pembangunan hutan yang mengganggu keseimbangan ekosistem selama ini, menyebabkan kitaran Fenomena El Nino yang melanda negara, menjadi lebih singkat daripada lapan kepada enam tahun sekali.

Beliau berkata, kitaran itu dijangka menurun sehingga setiap tiga atau empat tahun sekali, dengan bandar besar seperti Kuala Lumpur yang sudah men-

jadi pulau haba, berdepan kesan paling buruk.

"Kerakusan pembangunan mengorbankan hutan sekitar Kuala Lumpur dan Lembah Klang, meletakkan pusat bandar kepada tekanan bencana alam melampau."

"Ketika ini, Kuala Lumpur sudah menjadi pulau haba apabila penduduknya berdepan kepanasan mengesat di luar dan terpaksa bergantung sepenuhnya kepada alat pendingin hawa di dalam bangunan yang menyumbang kepada pelepasan CO2 yang banyak."

Hutan konkrit

"Ia gagal diimbangi pengaliran oksigen daripada pokok kerana Kuala Lumpur sudah menjadi hutan konkrit. Senario itu bakal menjadikan Malaysia sebagai negara yang sangat panas dalam 10 tahun akan datang," katanya.

Abdul Latif tidak menafikan ada usaha oleh kerajaan dan pihak tertentu menanam pokok untuk menjadikan suasana hijau sekitar Kuala Lumpur tetapi itu tidak sama dengan hutan yang kaya dengan flora dan fauna sebagai ejen kitaran ekosistem.

"Hutan adalah ejen peralihan haba dan hujan. Apa jadi pada Kuala Lumpur jika ejen ini tiada lagi. Pastiinya semakin panas dan banjir mudah berlaku. Hutan juga perapis habuk. Kini penduduk Kuala Lumpur juga berdepan pelbagai jenis penyakit kerana kehilangan ejen ini," katanya.

FOTO RAFFIZ NORAZMI/BN

BH BONGKAR